

06/01/1997

BN tiada sebab kalah di Pulau Chondong

Mohd Shah Abdullah

BAHANG kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Chondong, Kelantan sampai ke kemuncaknya, malam tadi. Hari ini, kira-kira 12,635 pengundi membuat penentuan.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan pertembungan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional (BN), Yusoff Hamzah dengan calon Pas, Zulkefli Mamat.

Pertarungan di kubu tradisi Umno dan BN sejak 1959 memang menjanjikan sesuatu yang sengit kerana kalangan pemerhati politik merumuskan kemenangan sama ada Umno/BN atau Pas mempunyai 'signifikan' bagi menentukan sejauh mana kewibawaan dan masa depan politik kedua-dua parti. Sebab itu, jika dilihat pada pemilihan calon, nyata sekali kriteria yang dibuat amat teliti dengan mengambil kira sahsiah, latar belakang akademik dan penerimaan masyarakat setempat.

Kedua-duanya memang mempunyai semua kekuatan berkenaan untuk melayakkan diri sebagai wakil rakyat baru menggantikan Allahyarham Kapten (B) Mohd Noor Ahmad yang meninggal dunia pada 4 Disember lalu.

Adalah menjadi kelaziman menjelang pilihan raya, menerusi perang psikologi politik semua pihak yang bertanding, yakin menang. Namun, dalam konteks DUN Pulau Chondong, BN mempunyai beberapa kelebihan yang tidak seharusnya menyebabkan ia kalah. Sejak awal lagi, Pas sudah tidak menaruh harapan tinggi untuk menang. Hanya Menteri Besar, Datuk Nik Aziz Nik Mat dengan nada berseloroh berkata, 'Pulau Chondong semakin condong kepada Pas.' Namun, sebaliknya, ia juga boleh condong kepada BN.

Selain kubu tradisi, Pulau Chondong sebenarnya akan memberi banyak natijah besar terutama dalam konteks kerjasama Umno dan bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang kini berada bersama-sama dalam satu keluarga besar Umno/BN. Sebenarnya, inilah masa bagi bekas pemimpin dan pengikut S46 membuktikan sejauh mana keikhlasan, kekuatan dan kesetiaan kepada Umno, terutama Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Jika benar ikhlas, kuat dan setia, Pulau Chondong harus dimenangi BN. Berapa undi majoriti tidak penting kerana dalam politik demokrasi, kemenangan adalah mutlak walaupun menang dengan kelebihan satu undi.

"Saya yakin BN lebih berpeluang kali ini kerana kemenangan memberi makna besar terhadap masa depan Umno sendiri dalam politik Kelantan," kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang datang membantu kempen.

Beliau mengakui jentera BN lebih tersusun, padu dan kukuh di bawah pengawasan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa yang sejak dari awal penamaan calon sehingga hari ini bertungkus lumus memastikan kemenangan BN.

Seorang veteran politik Kelantan yang enggan namanya disiarkan mengakui BN ada kelebihan untuk menang dengan alasan 'tiada sebab untuk kalah di kubu kuat sendiri'.

Pas yang diketuai Nik Aziz dan pemimpin Pas negeri menjalankan ceramah dari rumah ke rumah tetapi tidak menurunkan penceramah berbisa seperti Mohamad Sabu, Abdul Razak Abas dan Buniyamin Yaakob atas alasan mahu suasana kempen berjalan harmoni. Taktik ini menunjukkan Pas sedar 'psikologi' pengundi Pulau Chondong yang berbeza dengan tempat lain kerana ada perkara sensitif setempat yang harus dijaga.

Jika dilihat kepada isu kempen, ia hanya berkisar pada keadaan setempat atau politik Kelantan sendiri. Pendeknya, politik Melayu/Islam Kelantan.

Misalnya isu anak durhaka kononnya calon BN tidak mendapat restu bapanya hanyalah isu yang relevan setempat, isu Pas dan istana Kelantan serta masalah dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB). Isu besar nasional sebenarnya tiada natijah langsung terhadap kempen Pulau Chondong atau mungkin di seluruh Kelantan. Ini termasuklah isu penahanan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Pendeknya, inilah suasana politik Kelantan yang sentiasa menjanjikan ketegangan, kerancakan dan kepanasan sejak zaman sebelum merdeka sampai sekarang. Sampai bilakah fenomena ini hendak dipecahkan agar orang Melayu/Islam melihat persoalan politik dalam konteks yang lebih makro sukar untuk dijawab.

Apakah politik hanya sekadar manipulasi isu untuk menentukan kemenangan meraih kuasa dan bukan dalam pengertian hakiki untuk mengangkat darjat orang Melayu/Islam menghadapi cabaran alaf baru dalam bidang ekonomi, teknologi, budaya dan perubahan sejagat yang kian pesat, memerlukan satu wacana lain terutama bagi politik Melayu/Islam Kelantan.

Bagi DUN Pulau Chondong, tidak ada sebab mengapa Umno/BN harus tewas dalam pengundian hari ini. Hanya kelemahan dalaman dan kesilapan lain yang memungkinkan itu berlaku manakala kemenangan Pas adalah satu bonus dalam keadaan parti itu sudah mengangkat bendera putih, sebelum hari pengundian lagi.

(END)